

14/04/1997

Penonton GP Malaysia meningkat 52,500 orang

JUMLAH penonton Grand Prix Motosikal Malaysia 1997 mencatat peningkatan kepada 52,500 orang kali ini berbanding kira-kira 32,000 orang tahun lalu.

Seramai 4,000 orang hadir menyaksikan pusingan kelayakan pertama Jumaat lalu, 8,500 menonton pusingan kelayakan kedua kelmarin manakala acara kemuncak semalam dihadiri 40,000 peminat.

Menurut Timbalan Pengarah Perlumbaan, Hussin Mohd Ali, promoter Grand Prix Motosikal Malaysia 1997, Malaysia Airports Berhad (MAB), berterima kasih kepada media yang banyak membantu mereka.

Katanya, jumlah penonton seramai kira-kira 52,500 orang sepanjang tiga hari itu adalah satu rekod.

"Perlumbaan ini seperti acara kebangsaan untuk Malaysia. Itulah sebabnya Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar dan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, turut menyaksikannya.

"Malah, jumlah wartawan luar negara yang membuat liputan lebih ramai. Seramai 57 wartawan dari 15 negara datang ke sini.

"Saya sendiri berpuas hati dan bercadang dari semasa ke semasa untuk memperbaiki sebarang kekurangan," katanya.

Ditanya kos menganjurkan perlumbaan yang pertama oleh MAB itu, dia berkata ia mungkin kira-kira RM6 juta.

(END)